

CADANGAN – CADANGAN PEMBENTUKAN

AKTA PILIHAN RAYA 1958

Penulis:
Nikkita Koh Si Qi

Penyunting:
**Fork Yew leong
Danesh Prakash Chacko**

Direka oleh:
Stephen Koh Eng Sang



Cadangan - Cadangan pindaan AKTA PILIHAN RAYA 1958

Pendahuluan

Dalam usaha untuk memastikan integriti dan keadilan sistem pilihan raya di Malaysia, reformasi terhadap Akta Pilihan Raya 1958 adalah langkah yang amat penting. Akta ini memainkan peranan kritikal terutamanya bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), komposisi SPR dan peraturan-peraturan yang mempengaruhi Peraturan-Peraturan Pilihan Raya yang berkaitan. Kami, TindakMalaysia Network Services PLT (atau dikenali sebagai Tindak Malaysia untuk laporan ini), percaya sudah tiba masanya bagi kerajaan bersama SPR untuk mengkaji aspek dalam Akta Pilihan Raya 1958 untuk mengemaskini dan membuat pindaan yang diperlukan. Cadangan yang kami mengemukakan merangkumi beberapa aspek di mana kami berpendapat harus diutamakan:

- A. Penetapan keperluan yang ketat siapa yang menjadi Pegawai Pengurus dan penolong-penolong beliau. Selain daripada lantikan pegawai – pegawai tersebut dari kalangan ahli perkhidmatan awam, kita mencadangkan satu kategori untuk pertimbangan SPR iaitu masyarakat sivil bebas yang terlibat dalam bidang pemantauan dan pembaharuan proses pilihan raya.
- B. Kriteria untuk mendemokrasikan ciri-ciri pegawai-pegawai SPR dan pada masa yang sama, memperketatkan ciri-ciri untuk menghalang seperti orang-orang pemegang jawatan politik (bekas atau semasa) menjadi sebahagian daripada birokrasi SPR
- C. Pemansuhan Seksyen 9A yang sedia ada dan digantikan dengan Seksyen 9A baru. Orang Malaysia perlu mempunyai hak untuk mempersoalkan, merayu dan tidak diikat oleh daftar pemilih. Mahkamah mempunyai kuasa untuk mengetepikan daftar pemilih jika dicabar melalui tindakan undang-undang.
- D. Semua perubahan undang-undang pilihan raya yang dibentangkan oleh SPR perlu mendapat sokongan dari ahli-ahli Dewan Rakyat (iaitu tidak kurang separuh daripada pihak kerajaan dan tidak kurang separuh daripada pihak pembangkang).

Dilampirkan dalam Lampiran adalah satu draf yang mengandungi pindaan tersebut secara teliti. Pindaan Tindak Malaysia terkini diserlahkan dalam warna merah



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 19

AKTA PILIHAN RAYA 1958

Sebagaimana pada 1 Disember 2016

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2016

AKTA PILIHAN RAYA 1958

Pertama kali diperbuat	...	...	...	1958 (Ordinan No. 33 tahun 1958)
Disemak	...	...	...	1970 (Akta 19 m.b.p 11 Januari 1971)
Teks bahasa kebangsaan ialah teks sah	...	...	...	P.U. (B) 197/1994
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1317 yang mula berkuat kuasa pada	...	...	...	1 Oktober 2007

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...	...	...	...	1982
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	...	...	...	...	1988
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	...	...	...	...	1990
<i>Cetakan Semula Yang Keempat</i>	...	...	...	...	1992
<i>Cetakan Semula Yang Kelima</i>	...	...	...	...	1994
<i>Cetakan Semula Yang Keenam</i>	...	...	...	...	1999
<i>Cetakan Semula Yang Ketujuh</i>	...	...	...	...	2002
<i>Cetakan Semula Yang Kelapan</i>	...	...	...	...	2004
<i>Cetakan Semula Yang Kesembilan</i>	...	...	...	...	2006
<i>Cetakan Semula Yang Kesepuluh</i>	...	...	...	...	2007

Akta 19

AKTA PILIHAN RAYA 1958

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENYELIAAN PILIHAN RAYA

3. Pelantikan pegawai
- 3A. Kuasa dan tugas am Setiausaha, Timbalan Setiausaha dan Penolong Setiausaha
4. Kuasa pegawai
5. Kuasa dan tugas am Suruhanjaya Pilihan Raya

BAHAGIAN III

BAHAGIAN PILIHAN RAYA

6. *(Dipotong)*
7. Daerah mengundi dan pusat mengundi

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN PEMILIH

Seksyen

8. Pelantikan pegawai
9. Penyediaan, penyiaran dan penyemakan daftar pemilih
- 9A. **Daftar pemilih yang diperakui atau diperakui semula tidak disifatkan sebagai muktamad**
10. Pendaftaran dalam satu bahagian pilihan raya sahaja
11. *(Dipotong)*

BAHAGIAN V

PENJALANAN PILIHAN RAYA

12. Writ pilihan raya
13. Pemilihan calon
14. Penggunaan sekolah dan bangunan dan premis awam sebagai pusat mengundi

BAHAGIAN VI

PERATURAN-PERATURAN

15. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan pendaftaran pemilih
16. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan perjalanan pilihan raya
17. Peraturan-peraturan hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat

Akta 19

AKTA PILIHAN RAYA 1958

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan bagi Negeri-Negeri.

[*Semenanjung Malaysia, *Wilayah Persekutuan
Putrajaya—28 Ogos 1958, P.U. 250/1958;
†Sabah, **Wilayah Persekutuan Labuan
—1 Ogos 1965, P.U. 176/1966;
††Sarawak—1 November 1966, P.U. 227/1967*]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pilihan Raya 1958.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli” ertinya ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Undangan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

*CATATAN—lihat seksyen 6 Akta A1095.

**CATATAN—lihat seksyen 6 Akta A585.

†CATATAN—Untuk peluasan dan pengubahsuaian Akta ke Sabah, lihat P.U. 56/1966, P.U. 144/1966, P.U. 498/1966, P.U. 348/1967.

††CATATAN—Untuk peluasan dan pengubahsuaian Akta ke Sarawak, lihat P.U. 497/1966, P.U. 349/1967, P.U. 55/1968

“bahagian pilihan raya” ertinya bahagian pilihan raya Parlimen atau bahagian pilihan raya Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“bahagian pilihan raya Negeri” ertinya bahagian pilihan raya yang dipersempadankan mengikut Perkara 117 Perlembagaan;

“bahagian pilihan raya Parlimen” ertinya bahagian pilihan raya yang dipersempadankan mengikut Perkara 116 Perlembagaan;

"bangunan awam" ertinya bangunan yang digunakan atau dibina untuk digunakan sebagai tempat ibadat awam, hospital, rumah kerja, kolej, sekolah, teater, pawagam, hotel, bilik tarian awam, bilik kuliah awam atau bilik pameran awam, atau sebagai tempat perhimpunan awam, atau digunakan atau dibina atau disesuaikan untuk digunakan bagi apa-apa tujuan awam yang lain;

“calon” ertinya orang yang dinamakan mengikut mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai seorang calon untuk suatu pilihan raya;

“daerah mengundi” ertinya sebahagian daripada suatu bahagian pilihan raya sebagaimana yang dibahagi di bawah seksyen 7;

“daftar pemilih” ertinya suatu daftar pemilih yang disediakan di bawah seksyen 9;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini; “kawasan

pendaftaran” ertinya keseluruhan kawasan yang

menjadi suatu bahagian pilihan raya Parlimen;

“Ketua Pendaftar”, “Timbalan Ketua Pendaftar”, “Pendaftar”, “Timbalan Pendaftar” dan “Penolong Pendaftar” masing-masing ertinya Ketua Pendaftar Pemilih, Timbalan Ketua Pendaftar Pemilih, Pendaftar Pemilih, Timbalan Pendaftar Pemilih dan Penolong Pendaftar Pemilih yang dilantik di bawah seksyen 8;

“Hakim Pilihan Raya” ertinya Ketua Hakim atau mana-mana Hakim yang dilantik oleh Ketua Hakim di bawah seksyen 33 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

“Pegawai Pengadil” ertinya Pegawai Pengadil yang dilantik di bawah seksyen 8;

“pegawai penguat kuasa” ertinya pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah seksyen 3 dan termasuklah penolong pegawai penguat kuasa;

“pegawai pengurus” ertinya pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 dan termasuklah penolong pegawai pengurus;

“pegawai pilihan raya” ertinya seseorang pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 atau 8 atau mana-mana pegawai yang dilantik bagi maksud menjalankan atau membantu perjalanan mana-mana pilihan raya, atau bagi maksud mendaftarkan atau membantu pendaftaran pemilih, di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“pemilih” ertinya seorang warganegara yang berhak mengundi dalam suatu pilihan raya menurut Perkara 119 Perlembagaan;

“pemilih Negeri” ertinya pemilih yang berhak mengundi dalam suatu pilihan raya Negeri;

“pemilih Parlimen” ertinya pemilih yang berhak mengundi dalam suatu pilihan raya Parlimen;

“pengundi dibantu” ertinya pengundi yang memiliki Kad OKU yang dikeluarkan di bawah peruntukan Seksyen 25 Akta Orang Kurang Upaya 2008;

“penasihat teknikal” ertinya seseorang yang dilantik oleh calon atau ejen pilihan raya di bawah seksyen 14 Akta Kesalahan Pilihan Raya, untuk menasihatnya mengenai hal-hal teknikal semasa pilihan raya;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Persekutuan;

“pilihan raya” ertinya pilihan raya Parlimen atau pilihan raya Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“pilihan raya Negeri” ertinya suatu pilihan raya bagi memilih seseorang ahli Dewan Undangan;

“pilihan raya Parlimen” ertinya suatu pilihan raya bagi memilih seseorang ahli Dewan Rakyat;

Undang-Undang Malaysia

“premis” termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tenemen, isemen dan hereditamen dari apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau terkepung, sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggara atau tidak di bawah pihak berkuasa berkanun;

“pusat mengundi” ertinya mana-mana bangunan, binaan, kenderaan atau vesel, di tempat yang ditetapkan di bawah seksyen 7, yang dikhaskan dan dilengkapi bagi maksud mengundi dan mengira undi;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha kepada Suruhanjaya Pilihan Raya yang dilantik di bawah seksyen 3;

“tempat mengundi” ertinya mana-mana bilik atau ruangan yang dikenali juga sebagai saluran yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya di dalam pusat mengundi.

BAHAGIAN II

PENYELIAAN PILIHAN RAYA

Pelantikan pegawai

3. (1) Tertakluk kepada Fasal (1) Perkara 115 Perlembagaan, Suruhanjaya Pilihan Raya boleh melantik—

- (a) seorang Setiausaha dan apa-apa bilangan Timbalan Setiausaha, Ketua Penolong Setiausaha dan Penolong Setiausaha kepada Suruhanjaya Pilihan Raya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya;
- (b) seorang Pengarah Pilihan Raya Negeri dan seberapa banyak Timbalan Pengarah Pilihan Raya Negeri bagi setiap Negeri sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya;
- (c) seorang pegawai pengurus dan seberapa banyak penolong pegawai pengurus bagi setiap bahagian pilihan raya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya; dan
- (d) seorang pegawai penguat kuasa dan seberapa banyak penolong pegawai penguat kuasa sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi setiap bahagian pilihan raya.

(2) Pelantikan Suruhanjaya Pilihan Raya bagi pegawai pengurus dan penolong pegawai pengurus di bawah subseksyen 1(c) dan pelantikan pegawai penguatkuasa dan penolong pegawai penguatkuasa di bawah subseksyen 1(d) hendaklah tertakluk kepada subseksyen (3), (4) dan (5).

(3) Semua pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah dibuat sedemikian sahaja untuk penyeliaan pilihan raya yang dijalankan serta-merta selepas pelantikan, dan pelantikan baru hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bagi maksud pilihan raya berikutnya.

(4) Orang yang layak untuk dilantik sebagai pegawai di bawah subseksyen (2) hendaklah anggota perkhidmatan awam atau masyarakat awam atau bebas yang terlibat dalam pemantuan pilihan raya atau pembaharuan pilihan raya dan ahli badan professional. Orang-orang tersebut boleh menawarkan diri mereka atau hendaklah dicalonkan oleh masyarakat sivil bebas yang terlibat dalam pemantauan pilihan raya atau pembaharuan pilihan raya atau dicalonkan oleh badan profesional masing-masing, untuk pertimbangan oleh Suruhanjaya Pilihan

Raya. Orang yang termasuk dalam mana-mana satu atau lebih kategori berikut tidak layak untuk pelantikan sebagai pegawai di bawah subseksyen (2)—

- (a) pemegang jawatan semasa atau bekas parti politik;
- (5) Pelantikan pegawai di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk kepada prosedur berikut-
 - (a) Sebelum tetapi tidak kurang daripada 4 minggu sebelum pelantikan mereka, nama dan butir-butir mereka yang dipilih sebagai pegawai pengurus, penolong pegawai pengurus, pegawai penguat kuasa dan penolong pegawai penguat kuasa menurut subseksyen (2) hendaklah diterbitkan di laman web rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya, dipaparkan di setiap pejabat pilihan raya dan dikemukakan kepada semua parti politik.
 - (b) Bantahan terhadap pelantikan pegawai-pegawai tersebut boleh dibuat secara bertulis oleh mana-mana pemilih atau parti politik kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dalam tempoh 10 hari selepas tarikh penerbitan di laman web rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya, paparan nama pegawai tersebut dan penyerahan nama pegawai tersebut kepada parti politik mengikut subseksyen 5(a). Bantahan sedemikian hendaklah termasuk alasan untuk perkara yang sama.
 - (c) Sekiranya tiada bantahan diterima dalam tempoh 10 hari selepas tarikh penerbitan, paparan dan penyerahan yang dinyatakan dalam subseksyen (5)(a) Suruhanjaya Pilihan Raya boleh meneruskan untuk mengesahkan pelantikan pegawai tersebut.
 - (d) Jika Suruhanjaya Pilihan Raya menerima bantahan terhadap cadangan pelantikan seorang pegawai, orang yang mengemukakan bantahan itu dan pegawai itu hendaklah diberi peluang untuk membuat representasi mengenai bantahan itu sebelum Suruhanjaya Pilihan Raya meneruskan untuk menentukan hasil bantahan itu.
 - (e) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah menyediakan laporan penuh yang mendokumentasikan setiap bantahan dan Keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya dalam setiap keadaan supaya laporan itu mendokumentasikan antara fakta lain, alasan bantahan, sebab-sebab keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai tindak balas kepada setiap bantahan dan sama ada pelantikan itu harus diteruskan atau tidak.

(6) Di mana, di sebalik usaha terbaik Suruhanjaya Pilihan Raya, tidak mungkin untuk melantik pegawai yang mencukupi melalui prosedur di atas, Suruhanjaya Pilihan Raya boleh melantik baki pegawai-pegawai ini daripada perkhidmatan awam dan mengikut prosedur dalam subseksyen (5).

Kuasa dan tugas am Setiausaha, Timbalan Setiausaha dan Penolong Setiausaha

3A. (1) Setiausaha hendaklah menjadi ketua pegawai pentadbir Suruhanjaya Pilihan Raya, tertakluk pada setiap masa dan dalam segala perkara kepada penyeliaan, arahan dan kawalan Suruhanjaya, dan hendaklah—

- (a) melaksanakan keputusan-keputusan Suruhanjaya;
 - (b) menjalankan pentadbiran hari ke hari pejabat-pejabat Suruhanjaya, dan menjalankan penyeliaan, arahan dan kawalan ke atas semua pegawai pilihan raya yang lain, dan semua pegawai Suruhanjaya yang lain;
 - (c) menjalankan apa-apa fungsi sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Suruhanjaya dalam atau bagi penjalanan kuasa atau pelaksanaan tugasnya berhubung dengan kajian semula atau penyempadanan bahagian pilihan raya, pendaftaran pemilih, penjalanan pilihan raya dan perkara-perkara lain;
 - (d) mempunyai kuasa untuk menanda bagi pihak Suruhanjaya segala writ, notis dan dokumen lain Suruhanjaya, segala perundangan subsidiari yang dibuat oleh Suruhanjaya, dan segala perbuatan lain oleh Suruhanjaya; dan
 - (e) mempunyai apa-apa kuasa dan tugas lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
- (2) Tertakluk kepada arahan, kawalan dan penyeliaan Setiausaha, Timbalan-Timbalan Setiausaha hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala fungsi Setiausaha di bawah Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis, dan semasa Setiausaha tidak ada, Timbalan Setiausaha yang paling kanan hendaklah bertindak sebagai Setiausaha.
- (3) Tertakluk kepada arahan, kawalan dan penyeliaan Setiausaha dan Timbalan-Timbalan Setiausaha, Ketua-Ketua Penolong

Setiausaha dan Penolong-Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha dan Timbalan-Timbalan Setiausaha dalam penjalanan kuasa mereka dan pelaksanaan fungsi mereka.

Kuasa pegawai

4. (1) Tertakluk kepada arahan dan kawalan Suruhanjaya Pilihan Raya, Pengarah Pilihan Raya Negeri hendaklah mempunyai segala kuasa dan boleh menjalankan segala tugas Suruhanjaya berhubung dengan penjalanan pilihan raya dalam Negeri yang baginya dia dilantik.

(2) Tertakluk kepada arahan dan kawalan Pengarah Pilihan Raya Negeri, Timbalan Pengarah Pilihan Raya Negeri hendaklah mempunyai segala kuasa dan menjalankan segala tugas Pengarah Pilihan Raya Negeri dalam Negeri yang baginya dia dilantik.

(2A) Pegawai pengurus hendaklah, bersesama dengan pegawai pilihan raya yang lain, tertakluk kepada kawalan, penyeliaan dan arahan Suruhanjaya Pilihan Raya sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 5(1)(a) dan (b).

(3) Tertakluk kepada arahan dan kawalan pegawai pengurus, penolong pegawai pengurus yang dilantik bagi membantunya hendaklah mempunyai segala kuasa dan boleh menjalankan segala tugas pegawai pengurus itu.

(4) (a) Jika kerana sakit atau sebab lain mana-mana pegawai pengurus tidak dapat atau tidak berupaya menjalankan mana-mana tugasnya di bawah Akta ini dan tiada masa untuk seseorang lain dilantik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, maka pegawai pengurus itu boleh melantik seorang penolong pegawai pengurus untuk menjalankan tugasnya.

(b) Tiap-tiap pelantikan di bawah perenggan (a) hendaklah dengan seberapa segera yang boleh dilaporkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dan boleh dibatalkan oleh Suruhanjaya tetapi tanpa menjejaskan kesahan apa-apa jua perkara yang telah dilakukan oleh mana-mana penolong pegawai pengurus yang dilantik sedemikian.

(5) Pegawai penguat kuasa hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan Pengarah Pilihan Raya Negeri, mempunyai segala kuasa dan menjalankan segala tugas yang diberikan kepadanya bagi penguatkuasaan undang-undang yang berhubungan dengan penjalanan pilihan raya dalam bahagian pilihan raya yang baginya dia dilantik.

Kuasa dan tugas am Suruhanjaya Pilihan Raya

5. (1) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah—

- (a) menjalankan kawalan dan penyeliaan ke atas penjalanan pilihan raya dan pendaftaran pemilih dalam daftar pemilih, dan hendaklah menentukan supaya semua pegawai pilihan raya menjalankan tugasnya dengan adil, tidak berat sebelah serta mematuhi Bahagian VIII Perlembagaan dan Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (b) mempunyai kuasa untuk mengeluarkan kepada pegawai-pegawai pilihan raya apa-apa arahan yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya bagi memastikan Bahagian VIII Perlembagaan dan Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dilaksanakan dengan berkesan;
- (c) mempunyai kuasa untuk mengendalikan apa-apa sumpah yang dikehendaki diambil di bawah Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya; dan
- (d) menjalankan dan melaksanakan segala kuasa dan tugas lain yang diberikan kepadanya atau yang dipertanggungjawabkan ke atasnya oleh Akta ini dan oleh mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkan perlu olehnya, Suruhanjaya Pilihan Raya boleh mewakilkan mana-mana kuasa dan tugas yang diberikan kepadanya atau yang dipertanggungjawabkan ke atasnya oleh Akta ini atau oleh mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, kepada mana-mana orang atau pegawai sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini terpakai bagi apa-apa kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta ini; dan
- (b) tiada perwakilan sedemikian boleh menyentuh penjalanan kuasa-kuasa atau pelaksanaan tugas-tugas sedemikian oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN III

BAHAGIAN PILIHAN RAYA

6. (*Dipotong oleh Akta 14 tahun 1962*).

Daerah mengundi dan pusat mengundi

7. (1) Dengan seberapa segera yang boleh selepas sesuatu bahagian pilihan raya dipersempadankan mengikut Perlembagaan, dan selepas itu apabila mana-mana bahagian pilihan raya diubah atau suatu bahagian pilihan raya baharu diwujudkan, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah—

- (a) membahagi setiap bahagian pilihan raya kepada daerah-daerah mengundi;
- (b) menguntukkan kepada setiap daerah mengundi suatu huruf atau huruf-huruf pengenalan atau nombor pengenalan atau kedua-duanya;
- (c) menetapkan pusat atau pusat-pusat akan ditubuhkan pusat atau pusat-pusat mengundi, **yang boleh diakses oleh orang awam**, bagi daerah itu; dan
- (d) menyiarkan dalam *Warta* suatu notis yang menentukan—
 - (i) daerah-daerah mengundi yang mengikutnya bahagian pilihan raya itu telah dibahagi;
 - (ii) huruf atau huruf-huruf pengenalan atau nombor pengenalan atau kedua-duanya yang diperuntukkan kepada setiap daerah mengundi; dan
 - (iii) pusat atau pusat-pusat yang telah ditetapkan untuk penubuhan pusat atau pusat-pusat mengundi bagi setiap daerah mengundi.

(2) Pembahagian sesuatu bahagian pilihan raya kepada daerah-daerah mengundi di bawah subseksyen (1) boleh diubah oleh Suruhanjaya Pilihan Raya apabila keadaan menghendakinya, dan apabila sesuatu perubahan itu dibuat, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan dalam *Warta* suatu notis yang menyatakan berhubung dengan bahagian pilihan raya itu butir-butir yang tersebut dalam perenggan (1)(d) **dan apa-apa perubahan itu hendaklah berkuat kuasa**

pada semakan seterusnya daftar pemilih bagi kawasan pilihan raya itu dan tidak lebih awal.

(3) Satu pusat mengundi bagi setiap daerah mengundi hendaklah diadakan melainkan jika difikirkan perlu atau suai manfaat diperuntukkan selainnya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya memandang kepada keadaan khas sesuatu hal.

(3A) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah memperuntukkan pusat mengundi yang terletak secara geografi di dalam daerah mengundi. Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah berusaha untuk mengelakkan situasi pusat mengundi dikongsi oleh dua atau lebih daerah mengundi

(4) Suruhanjaya Pilihan Raya boleh, pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu atau mengikut kehendak keadaan, menggantikan mana-mana tempat yang ditetapkan bagi penubuhan suatu pusat mengundi di bawah subseksyen (1) dengan menetapkan mana-mana tempat lain di mana suatu pusat mengundi yang baharu boleh ditubuhkan, dan Suruhanjaya hendaklah menyiarkan dalam *Warta* suatu notis yang menyatakan butir-butir tentang pusat mengundi yang baharu itu.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN PEMILIH

Pelantikan pegawai

8. (1) Suruhanjaya Pilihan Raya boleh, tertakluk kepada Fasal (1) Perkara 115 Perlembagaan **dan subseksyen (1A) dan (1B) di bawah**, melantik—

- (a) seorang Ketua Pendaftar Pemilih bagi Malaysia;
- (b) seorang Timbalan Ketua Pendaftar Pemilih bagi Malaysia;
- (c) seorang Pendaftar Pemilih bagi setiap Negeri;
- (d) seorang Timbalan Pendaftar Pemilih bagi setiap Negeri;
- (e) apa-apa bilangan Penolong Pendaftar Pemilih sebagaimana yang difikirkannya perlu; dan
- (f) seorang Pegawai Pengadil bagi setiap kawasan pendaftaran.

(1A) Orang yang layak untuk dilantik di bawah subseksyen (1) adalah ahli-ahli awam atau pertubuhan sivil bebas yang terlibat dalam pemantauan pilihan raya atau pembaharuan pilihan raya dan ahli-ahli badan profesional. Orang yang termasuk dalam mana-mana satu atau lebih kategori berikut tidak layak untuk pelantikan di bawah subseksyen (1):

- (a) ialah pemegang jawatan semasa atau bekas parti politik; atau
- (b) ahli semasa atau bekas mana-mana perkhidmatan awam; atau
- (c) pekerja mana-mana syarikat berkaitan kerajaan.

(1B) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah menentukan dan menetapkan kriteria yang akan digunakan apabila menerima dan menilai pencalonan itu dengan objektif untuk memastikan kebebasan dalam proses pelantikan dan dalam melaksanakan tugas Suruhanjaya Pilihan Raya dalam hubungan ini. Kriteria yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya menurut subseksyen (1B) hendaklah termasuk keperluan bahawa pegawai yang dilantik hendaklah mencerminkan komposisi etnik pengundi di Negeri atau kawasan berkenaan.

(2) Tertakluk kepada arahan dan kawalan Suruhanjaya Pilihan Raya, Ketua Pendaftar hendaklah menjalankan kawalan dan penyeliaan am ke atas segala perkara yang berhubungan dengan—

- (a) pendaftaran pemilih; dan
- (b) penyediaan, penyiaran dan penyemakan suatu daftar pemilih

di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Tertakluk kepada arahan, kawalan dan penyeliaan Ketua Pendaftar, Timbalan Ketua Pendaftar hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala fungsi Ketua Pendaftar.

(4) Tertakluk kepada arahan, kawalan dan penyeliaan Timbalan Ketua Pendaftar, Pendaftar hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala fungsi Ketua Pendaftar yang berhubungan dengan pendaftaran pemilih di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini di Negeri yang baginya dia dilantik.

(4A) Tertakluk kepada arahan, kawalan dan penyeliaan Pendaftar, Timbalan Pendaftar hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala fungsi Ketua Pendaftar yang berhubungan dengan pendaftaran pemilih di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini di Negeri yang baginya dia dilantik.

(5) Tertakluk kepada arahan, kawalan dan penyeliaan Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar hendaklah membantu Pendaftar dan Timbalan Pendaftar dalam menjalankan kuasa mereka dan melaksanakan fungsi mereka.

(6) Pegawai Pengadil hendaklah mendengar apa-apa rayuan yang berbangkit daripada apa-apa tuntutan atau bantahan tentang suatu daftar pemilih sebagaimana yang diperuntukkan dalam mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang berhubungan dengan pendaftaran pemilih.

Penyediaan, penyiaran dan penyemakan daftar pemilih

9. (1) Setiap Pendaftar hendaklah menyediakan, menyiarkan dan menyemak mengikut cara yang ditetapkan daftar pemilih yang ditetapkan bagi kawasan pendaftaran yang baginya dia dilantik.

(2) Daftar-daftar pemilih bagi pemilih Parlimen dan pemilih Negeri hendaklah disatukan dalam satu daftar melainkan jika diarahkan selainnya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Daftar pemilih yang diperakui atau diperakui semula tidak disifatkan sebagai muktamad.

9A. Daftar pemilih yang telah diperakui atau diperakui semula, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan notis mengenai pemerakuan atau pemerakuan semula itu telah disiarkan dalam Warta sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, daftar pemilih itu tidak boleh disifatkan sebagai muktamad dan mengikat dan boleh dipersoalkan, atau dirayu terhadapnya, atau dikaji semula, dibatalkan atau diketepikan oleh, mana-mana mahkamah.

Pendaftaran dalam satu bahagian pilihan raya sahaja

10. Tiada seorang pun berhak dimasukkan dalam daftar pemilih sebagai seorang pemilih dalam lebih daripada satu bahagian pilihan raya bagi maksud mana-mana pilihan raya.

11. *(Dipotong oleh Akta A1155).*

BAHAGIAN V

PENJALANAN PILIHAN RAYA

Writ pilihan raya

12. (1) Bagi maksud tiap-tiap pilihan raya umum dan mana-mana pilihan raya kecil, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah mengeluarkan writ yang dialamatkan kepada pegawai pengurus bagi setiap bahagian pilihan raya yang baginya seorang ahli hendaklah dipilih.

(2) Tiap-tiap writ yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut borang yang ditetapkan dan hendaklah dikembalikan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya mengikut cara yang ditetapkan.

(3) Berhubung dengan sesuatu kekosongan yang hendaklah dipenuhi dalam sesuatu pilihan raya kecil, suatu writ hendaklah dikeluarkan tidak dahulu daripada empat hari dan tidak lewat daripada sepuluh hari dari tarikh kekosongan itu disahkan berlaku oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

(4) Apabila menerima suatu writ yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), pegawai pengurus hendaklah mengambil langkah-langkah bagi mengadakan suatu pilihan raya mengikut cara yang ditetapkan.

Pemilihan calon

13. (1) Tertakluk kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [*Akta 5*], calon bagi sesuatu bahagian pilihan raya yang mendapat bilangan undi sah yang terbesar daripada pemilih bahagian pilihan raya itu hendaklah disifatkan sebagai ahli yang dipilih bagi bahagian pilihan raya itu:

Dengan syarat bahawa—

- (a) apabila hanya seorang calon sahaja sah dinamakan dalam mana-mana bahagian pilihan raya, maka calon yang dinamakan itu hendaklah disifatkan sebagai ahli yang dipilih bagi bahagian pilihan raya itu; dan
- (b) apabila bilangan undi antara mana-mana calon bagi sesuatu bahagian pilihan raya didapati sama banyaknya, dan penambahan satu undi akan menegakkan seorang daripada calon itu dipilih, maka penentuan calon yang kepadanya satu undi tambahan itu akan disifatkan telah diberikan hendaklah dibuat dengan jalan cabut undi di hadapan pegawai pengurus mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan olehnya.

(2) Tiap-tiap orang yang mengundi dalam sesuatu pilihan raya hendaklah membuang undinya dengan menggunakan sekeping kertas undi yang ditandakan olehnya bagi menunjukkan undinya, dan dimasukkan olehnya ke dalam suatu peti undi **bermeterai**, yang diperuntukkan bagi maksud itu, mengikut apa-apa cara yang menjadikan undi itu rahsia:

Dengan syarat bahawa jika mana-mana orang yang mengundi itu **pengundi yang dibantu**, maka dia boleh memberikan undinya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan.

Penggunaan sekolah dan bangunan dan premis awam sebagai pusat mengundi

14. (1) Suruhanjaya Pilihan Raya boleh menggunakan dengan percuma sebagai pusat mengundi mana-mana sekolah atau mana-mana bahagian sesuatu sekolah yang menerima bantuan, atau yang berkenaan dengannya bantuan diberikan, daripada wang yang diperuntukkan oleh mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, atau mana-mana bangunan atau premis awam yang lain atau mana-mana bahagiannya.

(2) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah membaiki apa-apa kerosakan yang berlaku pada mana-mana sekolah, bangunan atau premis atau mana-mana bahagiannya dan membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh orang yang mempunyai kawalan ke atasnya oleh sebab ia digunakan sebagai pusat mengundi.

(3) Suruhanjaya Pilihan Raya dilarang menggunakan premis tentera atau polis sebagai pusat mengundi kecuali premis-premis tersebut boleh diakses oleh orang awam.

BAHAGIAN VI

PERATURAN-PERATURAN

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan pendaftaran memilih

15. (1) Suruhanjaya Pilihan Raya boleh dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan bagi pendaftaran memilih dan bagi semua perkara yang bersampingan dengannya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang terdahulu, peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) menetapkan hal penyimpanan dan penyenggaraan daftar memilih dalam mana-mana bahagian pilihan raya dan juga jenis dan bentuk daftar memilih itu;
- (b) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti dalam penyediaan dan penyiaran daftar memilih;
- (c) menetapkan masa sesuatu daftar memilih hendaklah disediakan atau disemak dan tatacara yang hendaklah diikuti dalam membuat penyemakan itu;

- (d) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti dalam penyediaan dan penyiaran daftar pemilih baharu bagi mana-mana bahagian pilihan raya jika sempadan-sempadan bahagian pilihan raya itu telah ditetapkan atau diubah selepas daftar pemilih disediakan;
- (e) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti pada membuat dan memutuskan tuntutan yang meminta sesuatu nama dimasukkan ke dalam sesuatu daftar pemilih atau ke dalam sesuatu daftar pemilih baharu atau ke dalam sesuatu daftar pemilih semakan dan pada membuat dan memutuskan bantahan terhadap kemasukan apa-apa nama di dalamnya;
- (f) membuat peruntukan bagi pembayaran pampasan, yang tidak melebihi satu ribu ringgit, kepada mana-mana orang yang terkilan oleh sebab suatu bantahan yang dibuat dengan tiada sebab yang munasabah terhadap kemasukan namanya ke dalam mana-mana daftar pemilih oleh orang yang membuat bantahan itu;
- (g) menetapkan apa-apa bentuk permohonan, notis atau dokumen lain yang perlu atau wajar digunakan berkaitan dengan apa-apa perkara yang diperkatakan dalam seksyen ini;
- (h) memberi kuasa mana-mana Pendaftar atau Pegawai Pengadil, bagi maksud menimbangkan atau memutuskan apa-apa permohonan, tuntutan, bantahan atau rayuan yang dia dikehendaki menimbangkan atau memutuskannya di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini, memanggil mana-mana orang supaya hadir di hadapannya dan memberikan keterangan bersumpah atau berikrar dan bagi mengendalikan sesuatu sumpah atau ikrar itu bagi maksud itu dan bagi memerintahkan supaya dikemukakan apa-apa dokumen yang berkaitan dengan apa-apa persoalan yang pegawai itu dikehendaki menimbangkan dan memutuskannya;
- (i) menetapkan fi yang hendaklah dibayar mengenai apa-apa permohonan, notis, tuntutan atau bantahan dan cara bagaimana fi itu hendaklah diperlakukan;
- (j) menetapkan cara bagaimana sesuatu daftar pemilih atau sesuatu daftar pemilih baharu atau sesuatu daftar pemilih semakan hendaklah diperakui;

- (k) membuat peruntukan bagi membetulkan kekhilafan tulisan dalam mana-mana daftar pemilih;
- (l) membenarkan atau menghendaki Pendaftar membekali mana-mana orang sebagaimana yang ditetapkan dengan salinan mana-mana daftar pemilih atau mana-mana bahagiannya, **dalam bentuk cetakan atau salinan lembut**, sama ada dengan percuma atau dengan membayar apa-apa fi **nominal** sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu;
- (m) (*Dipotong oleh Akta A1155*);
- (n) membuat peruntukan bagi pembahagian bahagian pilihan raya kepada unit-unit pendaftaran.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubungan dengan penjalanan pilihan raya

16. (1) Suruhanjaya Pilihan Raya boleh dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan bagi penjalanan pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan, dan bagi semua perkara yang bersampingan dengannya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang terdahulu, peraturan-peraturan itu boleh—

- (a) menetapkan cara bagaimana notis untuk mengadakan sesuatu pilihan raya hendaklah diberikan;
- (b) menetapkan tatacara bagi penamaan calon dan bagi membuat dan memutuskan bantahan terhadap mana-mana penamaan;
- (bb) membuat peruntukan bagi tatacara dalam pemberian kelulusan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya mengenai apa-apa simbol yang hendak digunakan dalam sesuatu pilihan raya:

Dengan syarat bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya tidak boleh meluluskan apa-apa simbol yang berkaitan dengan mana-mana agama atau mazhabnya atau yang selainnya tidak sesuai dengan ketertiban atau prinsip moral;

- (c) membuat peruntukan bagi penyiaran notis mengenai tarikh yang pungutan undi akan dijalankan bagi sesuatu pilihan raya yang dipertandingkan;
- (d) menetapkan amaun apa-apa deposit, yang tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dalam setiap hal, yang hendaklah dibayar oleh atau bagi pihak calon, dan hal keadaan yang membolehkan deposit itu dilucuthakkan;
- (e) menetapkan kemudahan yang hendaklah diadakan di pusat mengundi, dan orang yang boleh dibenarkan masuk ke pusat mengundi pada tarikh pungutan undi dijalankan, dan membuat peruntukan bagi pelantikan ketua tempat mengundi atau ketua-ketua tempat mengundi dan pegawai atau kakitangan lain berkenaan dengan setiap pusat mengundi;
- (f) menetapkan tempat dan cara bagaimana undi boleh dibuang dan rupa bentuk dan cara untuk memastikan peti undi yang digunakan dalam pilihan raya itu terjamin selamat dan bagi pengeluaran kertas undi kepada pemilih;
- (g) memperuntukkan cara bagaimana, dan oleh siapa, sesuatu soal tentang identiti seseorang yang menuntut untuk mengundi hendaklah diputuskan;
- (h) menetapkan bentuk apa-apa kertas undi dan kaunterfoil yang hendaklah digunakan dalam pilihan raya;
- (i) menetapkan cara bagaimana peti undi, kertas undi yang tidak dipakai atau kertas undi rosak, salinan daftar pemilih yang telah ditanda, kaunterfoil kertas undi, dan dokumen lain hendaklah diselenggarakan apabila pungutan undi ditutup;
- (j) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti dalam pengiraan undi dan hal keadaan yang membolehkan undi ditolak oleh pegawai pengurus atau ketua tempat mengundi yang dilantik mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan (e) sebagai tidak sah;

- (k) membuat peruntukan bagi pembuatan dan penyiaran penyata oleh pegawai pengurus dan pernyataan mengenai pengundian undi tentang mana-mana pilihan raya;
- (l) menetapkan apa-apa borang yang perlu atau wajar digunakan berkaitan dengan perkara yang diperkatakan dalam seksyen ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (m) menetapkan syarat bagi penggunaan kenderaan motor persendirian dalam pilihan raya;
- (n) menetapkan kemudahan yang hendaklah diadakan bagi pengundian melalui pos dan orang yang berhak mengundi melalui pos;
- (o) memperuntukkan bahawa perbuatan tertentu disifatkan sebagai perbuatan yang menyalahi undang-undang bagi maksud Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.
- (p) menetapkan kod tatakelakuan dan etika bagi anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, pegawai pilihan raya, calon dan parti politik berhubung dengan pilihan raya.

(3) Tanpa menjejaskan seksyen 2 *Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 13*], jika mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini menghendaki seseorang itu membuat sesuatu akuan berkanun berkaitan dengan atau bagi maksud penamaan orang itu sebagai seorang calon, maka adalah sah bagi—

- (a) Pengarah Pilihan Raya Negeri bagi Negeri tempat terletaklah bahagian pilihan raya yang baginya orang itu hendak dipilih; atau
- (b) pegawai pengurus bagi bahagian pilihan raya yang baginya orang itu hendak dipilih,

mengambil dan menerima akuan itu, dan suatu akuan yang diambil dan diterima oleh mana-mana pegawai itu menurut kuasa subseksyen ini hendaklah disifatkan sebagai suatu akuan yang dibuat menurut kuasa *Akta Akuan Berkanun 1960.

*CATATAN—Akta ini telah disemak pada 2016 berkuat kuasa mulai 17 November 2016 sebagai Akta 783.

Peraturan-peraturan hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat

17. (1) Semua peraturan sebelum dikemukakan kepada Agong untuk kelulusan, hendaklah dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dalam bentuk Draf Peraturan melalui Perdana Menteri kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk pandangan dan persetujuan mereka.

(a) Jika suatu Draf Peraturan dipersetujui oleh Dewan Rakyat melalui resolusi yang disokong oleh undi tidak kurang daripada separuh daripada jumlah ahli dari pihak kerajaan dan tidak kurang daripada separuh daripada jumlah ahli dari pihak pembangkang Dewan Rakyat, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah mengemukakan Draf Peraturan itu kepada Yang di-Pertuan Agong untuk kelulusan;

(b) Jika suatu Draf Peraturan tidak dipersetujui di bawah subperenggan (a) di atas, atau ditarik balik dengan kebenaran Dewan Rakyat, Perdana Menteri hendaklah mengembalikan Draf Peraturan itu bersama-sama dengan pandangan ahli-ahli salah satu atau kedua-dua Dewan, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, dan—

(i) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah selepas mempertimbangkan pandangan ahli-ahli Dewan Rakyat meminda Draf Peraturan yang difikirkan perlu dan mengemukakan Draf Peraturan yang dipinda kepada Perdana Menteri untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat; dan jika draf yang dipinda itu dipersetujui oleh Dewan Rakyat melalui resolusi yang disokong oleh undi tidak kurang daripada separuh daripada jumlah ahli dari pihak kerajaan dan tidak kurang daripada separuh daripada jumlah ahli dari pihak pembangkang Dewan Rakyat, Perdana Menteri hendaklah mengemukakan peraturan yang dipinda itu kepada Yang di-Pertuan Agong; atau

(ii) Sekiranya peraturan yang dipinda tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat, Perdana Menteri hendaklah mengembalikannya bersama-sama dengan pandangan Dewan Rakyat kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk pertimbangan semula dan Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah sama ada menarik baliknya atau hendaklah, dengan atau tanpa pindaan lanjut,

mengemukakan semula Draf Peraturan bersama-sama dengan syor mereka kepada Perdana Menteri yang akan membentangkan Draf Peraturan dan syor Suruhanjaya Pilihan Raya terus kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melaksanakan cadangan tersebut

- (1) Jika suatu Draf Peraturan dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong di bawah Bahagian ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah meluluskan Peraturan itu mengikut terma draf yang dikemukakan kepadanya, dan Peraturan itu hendaklah berkuat kuasa pada apa-apa tarikh yang ditentukan di dalamnya.

[baki halaman ini dibiarkan kosong dengan sengaja]

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 19

AKTA PILIHAN RAYA 1958

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 14/1962	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962	21-06-1962
Akta 13/1963	Akta Pilihan Raya 1963	01-01-1960
Akta 7/1965	Akta Pilihan Raya (Pindaan) 1965	21-01-1965
P.U. 56/1966	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sabah) 1966	01-08-1965
P.U. 144/1966	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sabah) 1966	01-08-1965
P.U. 497/1966	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sarawak) 1966	01-11-1966
P.U. 498/1966	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sabah) (Pindaan) 1966	01-08-1965
P.U. 348/1967	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sabah) (Pindaan) 1967	01-08-1965
P.U. 349/1967	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sarawak) (Pindaan) 1967	01-11-1966

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. 55/1968	Perintah Pengubahsuaian Undang-Undang (Kesalahan Pilihan Raya dan Pilihan Raya) (Peluasan ke Sarawak) (Pindaan) 1968	01-11-1966
Akta A95	Akta Pilihan Raya (Pindaan) 1972	10-02-1972
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
P.U. (B) 57/1982	Pemberitahuan di bawah Ordinan Nama Jawatan 1949	03-12-1981
Akta A639	Akta Pilihan Raya (Pindaan) 1986	02-05-1986
Akta A768	Akta Pilihan Raya (Pindaan) 1990	15-06-1990
Akta A889	Akta Pilihan Raya (Pindaan) 1994	08-07-1994
Akta A1155	Akta Pilihan Raya (Pindaan) 2002	15-06-2002
Akta A1205	Akta Pilihan Raya (Pindaan) 2003	15-12-2003
P.U. (B) 127/2005	Pemberitahuan di bawah Akta Nama Jawatan 1949	16-02-2005
Akta A1317	Akta Pilihan Raya (Pindaan) 2007	01-10-2007

Akta 19

AKTA PILIHAN RAYA 1958

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta A639	02-05-1986
	Akta A768	15-06-1990
	Akta A1155	15-06-2002
	Akta A1205	15-12-2003
	Akta A1317	01-10-2007
3	P.U. (B) 57/1982	03-12-1981
	Akta A639	02-05-1986
	Akta A1155	15-06-2002
	Akta A1205	15-12-2003
	P.U. (B) 127/2005	16-02-2005
3A	Akta A639	02-05-1986
	Akta A1155	15-06-2002
4	P.U. (B) 57/1982	03-12-1981
	Akta A639	02-05-1986
	Akta A889	08-07-1994
	Akta A1205	15-12-2003
	P.U. (B) 127/2005	16-02-2005
5	Akta A639	02-05-1986
6	Akta 14/1962	21-06-1962
7	Akta 14/1962	21-06-1962
	Akta 13/1963	01-01-1960
	Akta A1155	15-06-2002
	Akta A1317	01-10-2007
8	Akta A639	02-05-1986
	Akta A1155	15-06-2002
	Akta A1317	01-10-2007
9	Akta A1155	15-06-2002

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
9A	Akta A1155	15-06-2002
11	Akta A1155	15-06-2002
12	Akta 7/1965 Akta A639 Akta A1155	21-01-1965 02-05-1986 15-06-2002
13	Akta A1155	15-06-2002
14	Akta A639 Akta A1317	02-05-1986 01-10-2007
15	Akta 160 Akta A639 Akta A1155	29-08-1975 02-05-1986 15-06-2002
16	Akta A95 Akta A639 Akta A768 Akta A1155 Akta A1205 P.U. (B) 127/2005 Akta A1317	10-02-1972 02-05-1986 15-06-1990 15-06-2002 15-12-2003 16-02-2005 01-10-2007
